

## **PERJANJIAN PROJEK PERUNDINGAN PEMBENTUKAN POLISI HARTA INTELEK**

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Institut Piaawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM Berhad) kerana sudi membantu UMS dalam membentuk polisi hak intelek yang begitu penting bagi setiap penyelidik yang ingin melindungi hasil kajian atau penemuan mereka.

### **Pembangunan UMS**

UMS yang ditubuhkan pada tahun 1994, kini telah mula menjangkau usia enam tahun dengan jumlah pelajar berdaftar melebihi 6,000 orang. Dalam usia yang begitu muda, UMS telah berjaya membangunkan kampusnya di sebuah kawasan tanah tinggi di Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu dengan keluasan 999 ekar. Kampus ini telah dibangunkan dalam dua dimensi pemandangan indah, iaitu pemandangan Laut China Selatan dan Gunung Kinabalu. Di samping itu kehijauan pokok-pokok dan tumbuhan mewujudkan sebuah universiti mesra alam. Pembangunan kampus yang dibina sebegini rupa bertujuan memastikan wujudnya suasana pembelajaran dan pengajaran yang kondusif, aman dan harmoni.

Sesungguhnya, pembangunan sesebuah universiti yang hanya tertumpu kepada pembangunan fizikal semata-mata tanpa berusaha membangunkan aspek dalaman seperti pembangunan kualiti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pelajarnya sendiri, bukanlah universiti yang cemerlang. Saya yakin universiti akan berjaya dan tidak terpesong dari matlamatnya asalnya sebagai universiti yang berperanan melahirkan para ilmuwan jika dapat meningkatkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

### **R & D di UMS**

Justeru itu, setelah berjaya membangunkan aspek fizikal kampus, UMS kini giat dan komited menjalankan beberapa penyelidikan baru yang terarah. Sehingga kini, UMS komited menumpukan beberapa penyelidikan utama, seperti penyelidikan rumput laut yang boleh menghasilkan produk kosmetik, makanan dan alat perubatan sampingan.

Malah, UMS juga sedang giat menjalankan penyelidikan terhadap tanaman ubi kayu yang boleh digunakan dalam pelbagai bahan atau produk bernilai (*value added products*) seperti sabun dan syampu.

Selain itu, UMS juga telah menjalankan penyelidikan berbentuk '*artificial intelligence*', misalnya mencipta sebuah jentera robotik yang boleh mengangkat, memindah dan membawa sesuatu bahan dari satu tempat ke tempat lain dengan kawalan komputer. Selain itu UMS juga telah menjalankan penyelidikan iaitu mencipta sebuah alat pengesan yang diperlukan oleh orang buta untuk mengesan objek di hadapannya. Alat ini bagi memudahkan pergerakan penggunaanya tanpa rasa bimbang. Semua penemuan dan kajian ini telah diuji dan ternyata berjaya. Insya-Allah dalam sedikit masa lagi, ia boleh dikomersialkan. Selain penyelidikan-penyelidikan ini, terdapat juga beberapa penyelidikan lain seperti pembiakan ikan kerapu yang berkualiti tinggi, pembuatan makanan roti dan kek dengan ramuan yang lebih berkualiti, kajian tekanan (*stress*) di kalangan remaja, bioteknologi sumber hutan dan perubatan.

**Matlamat Pembentukan Polisi**

Oleh yang demikian, untuk menjaga kepentingan dan hak bersama, di samping menggalak dan membangunkan lebih banyak penyelidikan di kalangan ahli-ahli akademik, maka perlulah diwujudkan satu polisi perlindungan hak intelek di universiti ini. Pembentukan polisi hak intelek adalah penting untuk melindungi universiti, para penyelidik dan individu yang tertibat dari segi perundangan. Selain itu, ia berupaya mewujudkan persekitaran kondusif terhadap bidang penyelidikan dan pembangunan di universiti serta mengelakkan timbulnya isu-isu eksploitasi komersial. Di samping itu juga ia sebagai insentif kepada individu atau kumpulan penyelidik UMS ke arah menggalakkan projek-projek komersial.

Saya pasti, dengan adanya polisi perundangan hak intelek di universiti ini, UMS akan terus yakin dalam memainkan peranannya sebagai *academic capitalism* dan pembawa perubahan teknologi. Di samping itu, UMS juga akan berupaya mempertingkatkan mutu pendidikan, mempraktikkan dan mengkomersialkan segala bidang ilmu yang sejagat dengan sistem inovasi kebangsaan serta dapat menggalakkan lagi kerjasama pintar dengan institusi lain.

Akhir kata, bagi pihak UMS sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada SIRIM Berhad kerana sudi bekerjasama dan membantu pihak universiti dalam merangka polisi hak intelek. Ini bertujuan untuk menjaga kualiti dan profesionalisme para penyelidik dan pakar-pakar saintifik di UMS. Semoga dengan adanya kerjasama ini, aktiviti-aktiviti penyelidik di UMS akan dapat ditingkatkan.

---

*Ucapan di Majlis Perjanjian Projek Perundingan Pembentukan Polisi Harta Intelek di Board Room, SIRIM Berhad, Shah Alam pada 25 Oktober 2000.*